

PAMERAN SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN SIN MIN, SG PETANI, KEDAH

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4118-pameran-sekolah-menengah-jenis-kebangsaan-sin-min-sg-petani-kedah

KEDAH, 10 Nov 18 – Pameran dan syarahan kerjaya telah diadakan di SMJK Sin Min, Sungai Petani, Kedah yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan ATM dimana TUDM telah diwakili oleh Sel Kerjaya & Pengambilan-Bahagian Sumber Manusia serta penglibatan Cawangan Tenaga Kerja dan pihak UPNM dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan bangsa Cina menyertai ATM. Program anjuran Persatuan Veteran Bangsa Cina Tentera Darat (MACVA) ini adalah bertujuan untuk memberi maklumat berkaitan peluang menyertai ATM melalui pengambilan pegawai dan perajurit muda ATM. Peserta yang hadir seramai hampir 450 pelajar dari sekolah berkenaan. Penganjur berharap pendekatan ini akan memberi kesan yang mendalam untuk menarik minat dan penyertaan pelajar-pelajar yang akan tamat persekolahan tingkatan 5 dan 6 pada tahun 2018 di dalam ATM.



